

12 APR, 2022

## JBPM Kelantan lakukan rondaan berkala di lokasi panas kemalangan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



**SUMBANGAN:** Zainal (kiri) menyampaikan alat padam api kepada urus setia Bazar Ramadan sebagai 'fire post' kepada Pengarah FAMA Negeri Kelantan Wan Nora Wan Ahmad di bazar Ramadan Stadium Sultan Muhammad IV di Kota Bharu, semalam. — Gambar Bernama

## JBPM Kelantan lakukan rondaan berkala di lokasi panas kemalangan

**KOTA BHARU:** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan akan menjalankan rondaan berkala di beberapa lokasi panas kemalangan di negeri itu sepanjang Ramadan dan menjelang sambutan Aidilfitri.

Pengaruhnya Zainal Madsin berkata lokasi panas yang telah dikenal pasti adalah laluan utama ke Kelantan iaitu Lebuh Raya Timur Barat, Ja-

lan Gua Musang-Kuala Krai-Kota Bharu dan Jalan Pasir Puteh-Kuala Terengganu.

"Rondaan ini dilakukan berikutan berlaku peningkatan jumlah trafik dan aktiviti harian terutamanya pada bulan Ramadan dan hari raya tahun ini berbanding dua tahun lalu akibat COVID-19."

"Inisiatif itu merupakan tindakan segera pihak kami sekiranya berlaku kemalangan dan bagi memas-

tikan anggota sentiasa dalam keadaan bersedia," katanya kepada pemberita selepas Program Kebakaran Bazar Ramadan di Bazar Ramadan Stadium Sultan Muhammad IV, di sini semalam.

Mengulas lanjut beliau berkata jumlah kenderaan keluar masuk ke Kelantan dijangka meningkat pada sambutan Aidilfitri tahun ini berbanding tempoh sama dua tahun sebelum ini. — Bernama

12 APR, 2022

## JBPM Kelantan lakukan rondaan berkala di lokasi panas kemalangan



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KOTA BHARU: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan akan menjalankan rondaan berkala di beberapa lokasi panas kemalangan di negeri itu sepanjang Ramadan dan menjelang sambutan Aidilfitri. Pengarahnya Zainal Madasin berkata lokasi panas yang telah dikenal pasti adalah laluan utama ke Kelantan iaitu Lebuh Raya Timur Barat, Ja-

Gua Musang-Kuala Krai- Kota Bharu dan Jalan Pasir Puteh-Kuala Terengganu.